



Program Bantuan Pekerja:

Sokongan Profesional - Bila-bila Masa, Di Mana-mana Jua, Sentiasa Rahsia.



Apakah perkhidmatan ini sebenarnya?

Program Bantuan Pekerja Global (EAP) TELUS Health ialah perkhidmatan sokongan sulit yang boleh membantu anda dan tanggungan anda menyelesaikan pelbagai masalah dan cabaran dalam kehidupan anda, tanpa perlu membayar sebarang kos. Dalam dunia kita masa kini yang kian maju dengan rentak yang pantas, anda mungkin berhadapan dengan cabaran untuk menjaga diri anda sambil mengimbangi tanggungjawab di tempat kerja dengan kewajipan di rumah. EAP menawarkan bantuan dan sokongan yang profesional serta tepat pada masa bagi membantu anda menguruskan semua kerumitan yang dialami dalam kehidupan. Pusat Akses Perkhidmatan EAP boleh dihubungi secara bebas tol 24 jam sehari, 7 hari seminggu supaya anda dapat mengakses sokongan pada bila-bila masa anda memerlukannya.



Muat turun aplikasi TELUS Health One sekarang di kedai aplikasi peranti anda atau imbas kod QR ini.



Perkhidmatan EAP

- EAP telah dirangka untuk memberikan sokongan dan perundingan tempatan yang profesional
- Bantuan untuk menghadapi cabaran dan menyelesaikan isu kehidupan/pekerjaan
- Perkhidmatan kaunseling dan perundingan yang bersifat jangka pendek dan tertumpu pada penyelesaian
- Perkhidmatan ditawarkan luar daripada tempat kerja, secara rahsia
- Penasihat yang prihatin berupaya membantu anda membuat pilihan sokongan yang paling sesuai dengan keperluan dan gaya pembelajaran anda
- Sekiranya berlaku situasi krisis, segeralah berbincang dengan kaunselor
- Kaunselor TELUS Health merupakan profesional peringkat Sarjana (atau setaraf) yang berpengalaman
- Berhubunglah dengan kaunselor atau perunding yang dapat memberikan sokongan dalam bahasa tempatan

Tanpa mengira jenis isu anda, atau betapa besar kelihatannya isu itu, skop kepakaran meluas yang boleh didapati menerusi EAP bersedia untuk memberikan sokongan kepada anda sementara anda berikhtiar ke arah penyelesaian yang positif.



Kerahsiaan

Maklumat tentang penyertaan dalam EAP adalah rahsia sepenuhnya. Tiada maklumat yang akan dikongsi dengan sesiapa tanpa persetujuan termaklum, sukarela dan bertulis daripada klien. Kami terikat dengan standard antarabangsa yang tertinggi dari segi kerahsiaan dan privasi untuk perlindungan klien kami.



Apakah kos perkhidmatan EAP?

Anda tidak dikenakan kos untuk memanfaatkan perkhidmatan Global EAP, kerana kos ini telah dibayar oleh majikan anda. Bagi setiap kemusykilan yang anda alami, anda boleh menerima suatu siri sesi sokongan, menerusi telefon, secara dalam talian atau bersemuka.

Sekiranya anda memerlukan sokongan yang lebih khusus atau bersifat jangka panjang, Global EAP anda akan membantu anda memilih pakar atau perkhidmatan yang bersesuaian. Walaupun perkhidmatan tambahan sebegini merupakan tanggungjawab anda sendiri, kaunselor atau perunding yang berkecuali akan membuat penelitian bersama-sama dengan anda tentang kemungkinan pilihan sokongan yang ada dan sebarang kos yang berkaitan.



EAP dapat membantu anda:

- Mengukuhkan perhubungan
- Meningkatkan komunikasi
- Mengendalikan tekanan, keresahan dan kemurungan
- Menyelesaikan kesukaran peribadi dan emosi
- Menangani masalah perkahwinan dan perhubungan
- Memahami kesedihan dan perkabungan
- Mencari penyelesaian untuk isu berkaitan kerja
- Menghalakan usaha ke arah mencapai matlamat kehidupan
- Mengatasi keadaan keterasingan dan kesunyian
- Menyesuaikan diri dengan budaya
- Mengenal pasti dan menangani kejutan budaya
- Mengatasi penyalahgunaan alkohol dan dadah
- Mengakses sokongan krisis dan trauma

1-800-813-155
one.telushealth.com